



**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**  
**SIARAN MEDIA**

**KOMUNITI KEKAL SIHAT MELALUI**  
**SANTUNI MADANI: PROGRAM SATU PEMIMPIN SATU KAMPUNG**

**Kuala Selangor, 2 November 2025** - Program Ramah Mesra Santuni MADANI dan Karnival Paru-paru Minda Sihat ini adalah sebahagian daripada inisiatif di bawah **Santuni Madani: Program Satu Pemimpin Satu Kampung**, yang berteraskan **konsep Malaysia Madani** bagi **memperkukuh hubungan** antara **pemimpin, agensi kerajaan dan masyarakat**. Dari **perspektif** Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), program ini menjadi antara **medium** bagi **meningkatkan kesedaran** kesihatan awam, **menggalakkan gaya hidup sihat** serta memupuk semangat keprihatinan dan perpaduan dalam kalangan komuniti.

Penganjuran program ini juga turut **mendukung usaha KKM** dalam **pelaksanaan Lung Health Initiative (LHI)** yang merupakan suatu gerakan nasional di bawah KKM dengan **memperluas akses saringan, rawatan awal** dan **advokasi kesedaran** berhubung penyakit paru-paru termasuk *Chronic Obstructive Pulmonary Disease* (COPD), asma, kanser paru-paru serta bahaya rokok eletronik atau vape. LHI kini diperluas ke seluruh negara termasuk Selangor dengan **kerjasama strategik** pelbagai pihak meliputi **awam, swasta dan komuniti setempat**.

Program pada hari ini diterajui oleh Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Kuala Selangor dan dianjurkan dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan dan komuniti sekitar, bertempat di Pantai Jeram, Kuala Selangor dan dimeriahkan dengan kehadiran YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan, sekaligus menyempurnakan perasmian program terbabit.

**Pelbagai acara** disediakan sepanjang penganjuran program berlangsung dan ini termasuklah:

- i. Saringan kesihatan;
- ii. Explorace minda sihat;
- iii. Kenduri rakyat;
- iv. Sukaneka rakyat;
- v. Pertandingan memancing;
- vi. Pertandingan gubahan tuala;
- vii. Jualan Ehsan Rahmah;
- viii. Pameran agensi;
- ix. Cabutan bertuah; dan
- x. Pertandingan menu sihat.

Melalui penganjuran program seumpama ini, masyarakat setempat **berpeluang** mendapatkan **khidmat kesihatan secara percuma** di samping menikmati pelbagai **aktiviti riadah berkonsepkan kekeluargaan**.

KKM komited untuk meneruskan program-program berbentuk mesra rakyat dalam memacu advokasi dan memperkasa amalan kesihatan kepada setiap lapisan masyarakat. Ini selaras dengan nilai MADANI - *Kesejahteraan, Hormat dan Ihsan*.

**-TAMAT-**

**Kementerian Kesihatan Malaysia**

